

PM syor amalkan nilai korban

BH 21 MAY 1994



KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta umat Islam memanfaatkan sambutan Aidiladha dengan mengorbankan kepentingan diri untuk keteguhan umat Islam seluruhnya.

Menurut Perdana Menteri, umat Islam memang digalakkan supaya sentiasa membuat pengorbanan demi kesejahteraan agama, bangsa dan negara.

"Jika nilai-nilai korban ini dijadikan sebahagian daripada panduan dalam kehidupan harian, Insha-Allah umat Islam dan agama Islam akan lebih berjaya serta dihormati oleh dunia," katanya dalam perutusan sempena Aidiladha, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, umat Islam juga perlu menghindarkan pertelingkahan sesama sendiri dalam perkara remeh-temeh kerana ia boleh membawa kemudaratan.

"Kita seharusnya insaf dan sedar kemakmuran ekonomi, kesenangan hidup dan kemajuan pembangunan yang kita nikmati sekarang adalah hasil toleransi, kerjasama dan perpaduan semua kaum di negara ini.

"Keadaan yang penuh aman damai ini turut memudahkan kita meningkatkan lagi syiar Islam di negara ini hingga dihormati dan disanjung tinggi oleh semua pihak," katanya.

Perdana Menteri berkata, umat Islam juga perlu banyak bersyukur kepada Allah kerana dapat menyambut hari yang mulia itu dengan sempurna.

Menurutnya, bagaimanapun, dalam kegembiraan itu, pengorbanan anggota tentera kita yang sedang berkhidmat di luar negara iaitu di Bosnia-Herzegovina, Somalia dan negara lain kerana menjaga keamanan dunia, tidak harus dilupakan.

"Pengorbanan tentera kita dan keluarga mereka adalah besar ertinya dan tidak harus dilupakan," katanya.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut mengucapkan Selamat Aidiladha kepada umat Islam di seluruh negara.

"Sempena hari yang mulia ini, marilah kita berdoa semoga jemaah haji kita yang berada di tanah suci sentiasa dilindungi Allah dan selamat menunaikan fardu haji," katanya.

Sementara itu, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar berkata, kecekalan dan keberanian tentera Malaysia (Malbatt) menempuh pelbagai dugaan di Bosnia-Herzegovina dan Somalia serta kerelaan anggota keluarga mereka, adalah pengorbanan yang sangat terpuji di sisi agama.

Menurutnya, pengorbanan mereka dan rakyat Malaysia dari segi sokongan moral, fizikal dan material amat diperlukan dan dituntut agama.

Seri Paduka berkata demikian dalam perutusan Aidiladha bersama Raja Permaisuri Agung Tuanku Najihah kepada semua umat Islam negara ini.